

BEPROSALIC LOTION

Betamethasone Dipropionate / Salicylic Acid (0.064% w/w / 2% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Beprosalic lotion
2. Bagaimana Beprosalic lotion berfungsi
3. Sebelum menggunakan Beprosalic lotion
4. Cara menggunakan Beprosalic lotion
5. Semasa menggunakan Beprosalic lotion
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Beprosalic lotion
Maklumat lanjut
8. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
9. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang Beprosalic lotion. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda menggunakan Beprosalic lotion berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Simpan risalah ini bersama ubat.

Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan BEPROSALIC LOTION

BEPROSALIC LOTION digunakan untuk melegakan manifestasi inflamasi akibat daripada masalah kekeringan dan penebalan lapisan luar kulit yang responsif terhadap kortikosteroid termasuk psoriasis, dermatitis atopik kronik, neurodermatitis dan dermatitis seboroik.

Bagaimana BEPROSALIC LOTION berfungsi

BEPROSALIC LOTION mengandungi ubat yang disebut Betamethasone Dipropionate dan Salicylic Acid. Betamethasone Dipropionate ialah kortikosteroid berfluorin yang aktif secara topikal dan mempunyai tindakan antiinflamatori, anti-gatal dan pengecutan salur darah. Salicylic Acid mempunyai ciri-ciri keratolitik (keupayaan untuk melembutkan lapisan atas sisik kulit), anti-bakteria dan tindakan anti-kulit.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

Sebelum menggunakan BEPROSALIC LOTION

-Bila tidak boleh digunakan

Jangan mengambil BEPROSALIC LOTION sekiranya:

- Anda alergi (hipersensitif) terhadap Betamethasone Dipropionate, kortikosteroid lain, Salicylic Acid atau salicylate lain, atau sebarang bahan dalam ubat ini.

Kortikosteroid topikal tidak disyorkan dalam kebanyakan jangkitan virus kulit, batuk kering serta jerawat.

-Sebelum menggunakan Beprosalic Lotion

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda:

- Jika anda mempunyai jangkitan pada kulit anda dan nyatakan kawasan yang dijangkiti.
- Jika anda menggunakan mana-mana produk kulit.

Kehamilan dan penyusuan:

- Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum penggunaan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusui.
- Ianya boleh digunakan sekiranya manfaat mengatasi risiko kepada kandungan atau bayi yang sedang menyusui.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang mengambil apa-apa produk lain (misalnya ubat yang dibeli tanpa preskripsi doktor, ubat yang dipreskripsikan dan produk-produk herba).

Cara menggunakan BEPROSALIC LOTION

Selalu menggunakan BEPROSALIC LOTION seperti yang dinasihatkan oleh doktor anda.

-Berapa banyak harus digunakan

Sapu beberapa titik Beprosalic Lotion pada kawasan yang terjejas dua kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Bila perlu digunakan

Guna ubat apabila kawasan yang terjejas telah kering dan bersih.

-Berapa lama perlu digunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi mengenai tempoh rawatan.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa menggunakan losyen anda pada masa yang betul, gunakan losyen sebaik sahaja anda mengingatnya dan gunakan ambil seperti biasa. Jangan mengandakan

dos untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Kortokosteroid yang disapu pada kulit boleh diserap dalam jumlah yang mencukupi untuk menghasilkan kesan sistemik seperti penindasan kelenjar adrenal, manifestasi sindrom Cushing, peningkatan paras gula dalam darah dan kehadiran gula dalam air kencing..

Penyediaan Salicylic Acid yang digunakan pada kulit juga boleh diserap dalam jumlah yang mencukupi untuk menghasilkan *salicylism* seperti loya, muntah-muntah dan mendengar deringan dalam telinga.

Jika anda guna terlalu banyak ubat ini, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda. Bawa sebarang baki ubat bersama anda.

Semasa menggunakan BEPROSALIC LOTION

-Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda bersedia untuk memulakan pengambilan ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang mengguna BEPROSALIC LOTION.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengguna lebih daripada dos yang disyorkan melainkan dibenarkan oleh doktor anda.

Tidak boleh digunakan di dalam mata.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Hentikan penggunaan jika berlaku kerengsaan, sensitiviti, kekeringan melampau atau tindak balas.

Langkah berjaga-jaga yang sesuai perlu diambil semasa rawatan yang

berpanjangan, apabila merawat kawasan permukaan badan yang luas, apabila menggunakan teknik oklusif dan apabila merawat kanak-kanak (disebabkan nisbah jumlah luas permukaan kepada berat badan yang lebih besar).

Langkah berjaga-jaga yang sesuai perlu diambil apabila merawat keradangan kulit stasis dan penyakit kulit yang lain di mana peredaran darah terjejas.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Beprosalic Lotion boleh mendatangkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan sampingan setempat yang dilaporkan seperti pedih, gatal-gatal, kerengsaan, kekeringan, radang folikel rambut, pertumbuhan rambut yang tidak normal, pertumbuhan jerawat, warna kulit luntur, warna kulit menjadi lembut, jangkitan sekunder, kulit menipis, tanda regangan dan ruam panas. Persediaan Salicylic acid boleh menyebabkan keradangan kulit.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan BEPROSALIC LOTION

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Tutup dengan rapat dan betul. Lindungi daripada cahaya terik. Jauhi daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Sila dapatkan nasihat ahli farmasi tentang cara pelupusan sebarang ubat yang tidak digunakan lagi.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna BEPROSALIC LOTION

BEPROSALIC LOTION adalah cecair yang tidak berwarna dan sedikit likat. Ia boleh didapati dalam botol 30ml.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif:
Betamethasone Dipropionate 0.064% w/w dan Salicylic Acid 2% w/w

Bahan-bahan tidak aktif:
Methylparaben, Isopropyl Alcohol, Sodium Hydroxide dan Purified Water.

-Nombor MAL: MAL20021135A

Pengilang

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

17/02/2016

Nombor siri:

BPFK(R4/1)160216/00040